

# **AL-QĀDĪ ‘ABD AL-JABBĀR: SUATU BIOGRAFI**

Oleh:  
**Mohd Radhi bin Ibrahim**

## **Abstract**

*The aim of this article is to introduce al-Qādī ‘Abd al-Jabbār’s background as one of the most prominent Islamic Rationalists of his time and his contributions to Islamic Intellectual Heritage.*

## **PENDAHULUAN**

Membuka kembali lipatan sejarah kegembilangan tamadun Islam, kita mendapati bahawa abad ke-4 dan ke-5H telah diiktiraf oleh para pengkaji sebagai zaman kegembilangan intelektual Islam. Ramai tokoh ilmuan Islam yang terkenal telah muncul di abad ini. Nama-nama seperti Abū Bakr al-Rāzī (m.313H), al-‘Asy’ārī (m.324H), Ibn Sīnā (428H) dan ramai lagi begitu sinonim dengan pembinaan dan perkembangan intelektual Islam pada zaman tersebut.

Namun terdapat beberapa tokoh yang telah memberikan sumbangan yang besar dalam perkembangan intelektual Islam, tetapi kurang diberikan perhatian dan pendedahan yang sewajarnya. Di antara tokoh-tokoh tersebut ialah ‘Abd al-Jabbār (m.415H).

Oleh itu artikel ini bertujuan memperkenalkan ‘Abd al-Jabbar dan meninjau sumbangan beliau terhadap dunia intelektual Islam.

## **Nama Penuh Dan Riwayat Hidup**

Nama penuh beliau ialah ‘Abd al-Jabbār b. Ahmad b. ‘Abd al-Jabbār b. Ahmad b. al-Khalīl b. ‘Abd Allāh.<sup>1</sup> Beliau dilahirkan di daerah Asadabadi<sup>2</sup> yang terletak

<sup>1</sup> Al-Subkī, *Tabaqāt al-Syāfi‘iyah al-Kubrā*, Matba‘ah ‘Isā al-Bābī al-Halabī, al-Qāhirah 1386H/1967M, v, hlm. 443; al-Rafī‘i, *al-Tadwīn fī Akhbār Qazwīn*, Dār al-Kitāb al-‘Ilmiyyah, Beirut 1408H/1987M, iii, hlm. 117; Kahhalah, *Mu‘jam al-Mu‘allafīn*, Dār ‘Iḥyā’ Tūrath al-‘Arabī, Beirut, t.t., v, hlm. 78.

<sup>2</sup> Hakīm, *al-Tabaqat al-Hādiyah ‘Asyarah wa al-Thāniyah Min Kitāb Syarh al-Uyūn, Tahqīq Fu‘ād Sayyid*, Dār al-Tūnisīyyah Li al-Nasyr, Tunis 1393H/1974M, hlm. 366.

berhampiran dengan bandar Hamadhan di Iran.<sup>3</sup>

Berkenaan tahun kelahiran beliau, ahli sejarah secara keseluruhannya tidak menetapkan satu tarikh yang jelas mengenainya. Oleh yang demikian para sarjana semasa telah berselisih pendapat dalam usaha menetapkan tarikh tersebut.

Kahhālah umpamanya menyatakan ‘Abd al-Jabbār dilahirkan pada tahun 359H. Beliau dalam hal ini meriwayatkan pendapat tersebut daripada Ismā’īl al-Baghdādī.<sup>4</sup> Namun demikian ‘Abd al-Karīm ‘Uthmān menolak pendapat tersebut dengan alasan ia tidak bersetujuan dengan catatan para sejarawan berkenaan umur dan tarikh kematian ‘Abd al-Jabbār.<sup>5</sup>

Menyentuh perkara ini Ibn al-Athīr umpamanya menyatakan ‘Abd al-Jabbār meninggal dunia pada tahun 414H semasa berusia lebih sembilan puluh tahun.<sup>6</sup> Kenyataan ini juga dicatatkan oleh Abū al-Fidā’ di dalam *Tārīkh* beliau.<sup>7</sup> Sementara itu al-Dhahabī,<sup>8</sup> al-Khatīb<sup>9</sup> dan Ibn al-‘Imād pula berpendapat tarikh kematian ‘Abd al-Jabbār adalah pada bulan *Dhu al-Qa’idah* tahun 415H, semasa berumur sembilan puluh tahun.<sup>10</sup>

Hasil penelitian dan perbandingan antara tahun kematian dan umur beliau menunjukkan peristiwa kelahiran ‘Abd al-Jabbār berlaku pada suku pertama abad keempat Hijrah, tidak seperti yang didakwa oleh Kahhālah.

Hakikat ini diperkuahkan lagi menerusi kenyataan ahli sejarah yang mencatatkan bahawa ‘Abd al-Jabbār pernah menuntut ilmu daripada Abū al-Hassan ‘Alī b. Ibrāhīm al-Qattān<sup>11</sup> yang meninggal dunia pada tahun 345H dan Muhammād b. Ahmad b. ‘Amr al-Zi’bāqī al-Basrī (m. 333H)<sup>12</sup> serta beberapa orang ulama’ lain yang meninggal dunia di antara tahun 332 hingga 346H.<sup>13</sup>

<sup>3</sup> Yāqūt, *Mu’jam al-Buldān*, Dar al-Ṣādir, Beirut 1374H/1955M, v, hlm. 224.

<sup>4</sup> Kahhālah, *op.cit.*

<sup>5</sup> ‘Abd al-Karīm, *Qādī al-Quḍāt*, Dār al-‘Arabiyyah, Beirut 1386H/1967M, hlm. 72.

<sup>6</sup> Ibn al-Athīr, *al-Kāmil fī al-Tārīkh*, Dār al-Sadr, Beirut 1375H/1965M, ix, hlm. 334.

<sup>7</sup> Abū al-Fidā’, *Tārīkh Abū al-Fidā’*, Dār al-Ma’rifah, Beirut, t.t., i, hlm. 155.

<sup>8</sup> Al-Dhahabī, *Siyār I’lam al-Nubalā’*, cet. I, Mu’assasah al-Riṣālah, Beirut 1983, xvii, hlm. 244.

<sup>9</sup> Al-Khatīb, *Tārīkh al-Baghdād*, Dār al-Kitāb al-‘Arabi, Beirut, t.t., xi, hlm. 113.

<sup>10</sup> Ibn al-‘Imād, *Syadharāt al-Dhahab*, Maktab al-Tijārī, Beirut, t.t., iii, hlm. 202.

<sup>11</sup> Yāqūt, *Mu’jam al-Udabā’*, Dār al-Mustasyriq, Beirut, t.t., ii, hlm. 116; al-Subkī, *Tabaqāt*, v, hlm. 443.

<sup>12</sup> Al-Khatīb, *ibid.*, hlm. 113.

<sup>13</sup> Al-Rafī’ī, *Akhbār Qazwīn*, iii, hlm. 125; al-Suyūtī, *Tabaqāt*, 59; Ibn al-‘Imād, *Syadharat al-Dhahab*, hlm. 202; al-Subkī, *ibid.*, hlm. 443.

### *Al-Qādī ‘Abd al-Jabbār: Suatu Biografi*

Justeru itu ‘Abd al-Karīm ‘Uthmān berpendapat ‘Abd al-Jabbār dilahirkan pada tahun 320H.<sup>14</sup> Manakala Ja‘far al-Subhānī pula menyatakan tarikh tersebut ialah pada tahun 324H.<sup>15</sup> Sementara itu Anawati dan Stern, sarjana Barat yang turut meneliti persoalan ini masing-masing mencatatkan tahun 323<sup>16</sup> dan 325H<sup>17</sup> sebagai tahun kelahiran ‘Abd al-Jabbār.

Berdasarkan pendapat-pendapat yang dikemukakan dapatlah disimpulkan bahawa tarikh kelahiran ‘Abd al-Jabbār adalah di antara tahun 320 hingga 325H.

‘Abd al-Jabbār dinisbahkan kepada al-Asadabādī,<sup>18</sup> bersempena dengan tempat kelahiran beliau,<sup>19</sup> al-Hamadhānī pula sempena daerah beliau mempelajari ilmu-ilmu keagamaan.<sup>20</sup> Sementara al-Rāzī dinisbahkan kepada beliau kerana beliau mencapai puncak kegemilangannya di Rayy.<sup>21</sup> Manakala al-Mu‘tazilī pula, disebabkan beliau bermazhab Mu‘tazilah pada perkara *usūl*<sup>22</sup> namun pada perkara *furu‘* beliau bermazhab Syāfi‘ī.

Laqab<sup>23</sup> beliau ialah *Qādī al-Qudāt*.<sup>24</sup> Gelaran ini dikurniakan oleh Perdana Menteri kerajaan Bani Buwayh di Rayy iaitu Sāhib b. ‘Abbād setelah melantik beliau sebagai ketua Qādī di sana.<sup>25</sup> Para penyokong Mu‘tazilah mengkhususkan gelaran tersebut untuk beliau biarpun selepas kematiannya sebagai mengiktiraf keunggulan beliau dalam bidang akademik dan kesarjanaan. Beliau juga digelar sebagai ‘*Imād al-*

<sup>14</sup> ‘Abd al-Karīm, *op. cit.*, hlm. 22.

<sup>15</sup> Ja‘far al-Subhānī, *Buhūth fi al-Milal Wa al-Nihāl*, Cet. III, Mu’assasah al-Nasyr al-Islāmī, Qum 1412H, iii, hlm. 263.

<sup>16</sup> Anawati, ““*Abd al-Jabbār*” dlm. *The Encyclopedia of Religion*, Macmillan Publishing Company, New York 1987, hlm. 3.

<sup>17</sup> Stern, ““*Abd al-Djabbar*” dlm. *Encyclopaedia of Islam*, Edisi Pertama, E.J. Brill, Leiden 1934, hlm. 59.

<sup>18</sup> Al-Khaṭīb, *Tārīkh al-Baghdād*, xi, hlm. 113; al-Rafī‘ī, *Akhbār Qazwīn*, hlm. 117; al-Dawūdī, *Tabaqāt al-Mufassirin, Tahqīq ‘Ali Muhammād ‘Umar*, Cet. I, Maktabah Wahbah, al-Qahirah 1392H/1972M, I, hlm. 265.

<sup>19</sup> Hākim, *Syarh al-Uyūn*, hlm. 365.

<sup>20</sup> Ibn al-‘Imād, *Syadharāt al-Dhahab*, iii, hlm. 202; Kahhalah, *Mu‘jam al-Mu‘allafīn*, v, hlm. 78

<sup>21</sup> Ibn al-Athīr, *al-Kāmil*, ix, hlm. 334.

<sup>22</sup> Al-Ziriklī, *al-A‘lām*, Cet. III, Beirut 1969, iv, hlm. 47.

<sup>23</sup> *Laqab* ialah gelaran kehormat yang diberikan kepada seseorang. Lihat Ibn al-Manzūr, *Lisān al-‘Arab*, Dār al-Šādir, Beirut 1375H/1956M, i, hlm. 173.

<sup>24</sup> Al-Dawūdī, *Tabaqāt*, i, hlm. 265; al-Rafī‘ī, *Akhbār Qazwīn*, iii, hlm. 117; al-Subkī, *op. cit.*

<sup>25</sup> Al-Dhahabī, *Siyār I‘lām al-Nubalā‘*, xvii, hlm. 224.

Dīn, namun demikian beliau lebih dikenali dengan gelaran *Qādī al-Qudāt*.<sup>26</sup>

‘Abd al-Jabbār merupakan seorang tokoh intelektual Islam yang menguasai pelbagai bidang ilmu pengetahuan seperti ‘ilm al-Kalam, tafsir, hadith, fiqh, *Usūl al-Fiqh* dan beberapa cabang ilmu yang lain. Hakim al-Jusyāmī mencatatkan bahawa, karya ‘Abd al-Jabbār keseluruhannya berjumlah empat ribu helaian mencakupi pelbagai bidang ilmu pengetahuan.<sup>27</sup>

### Keperibadian

‘Abd al-Jabbār merupakan seorang ulama’ yang memiliki keperibadian yang unggul dan tegas dalam mempertahankan prinsip hidupnya. Keterampilan ini sememangnya bersesuaian dengan kenyataan para sejarawan yang mengiktiraf beliau sebagai *Imām* golongan Mu’tazilah di zamannya.<sup>28</sup>

Catatan sejarah secara amnya tidak memberikan keterangan yang jelas berkenaan dengan kehidupan awal ‘Abd al-Jabbār. Namun demikian beliau dipercayai berasal dari keluarga yang kurang berada.<sup>29</sup> Ibn Hajar (m. 852H) menyatakan bahawa ayah ‘Abd al-Jabbār bekerja sebagai *al-Hallāj*.<sup>30</sup>

Pendidikan yang diterima daripada guru beliau Abū ‘Abd Allāh al-Basrī yang terkenal dengan kezuhudannya, bukan sahaja memberi kesan kepada akidah dan pemikiran ‘Abd al-Jabbār tetapi juga meninggalkan pengaruh yang besar terhadap akhlak dan tingkah laku beliau. Justeru, ‘Abd al-Jabbār lebih cenderung kepada cara hidup yang zuhud dan sederhana.<sup>31</sup>

Kepatuhan beliau kepada ajaran agama serta penumpuannya dalam bidang keilmuan telah menjauhkan beliau daripada terlibat dengan majlis-majlis yang dipenuhi dengan perkara-perkara melalaikan. Lantaran itu Sāhib b. ‘Abbād menyatakan: “Orang ramai merasa mulia apabila mempunyai ilmu, akan tetapi ilmu itu akan berbangga apabila bersama *Qādī al-Qudāt*.”<sup>32</sup>

<sup>26</sup> Hakim, *Syarḥ al-‘Uyūn*, hlm. 365.

<sup>27</sup> *Ibid.*

<sup>28</sup> Al-Dhahabī, *Mīzān al-I‘tidāl*, ii, hlm. 533; Ibn al-‘Imād, *Syadharāt al-Dhahab* iii, hlm. 203; al-Suyūtī, *Tabaqāt*, hlm. 59

<sup>29</sup> ‘Abd al-Karīm, *Qādī al-Qudāt*, hlm. 29.

<sup>30</sup> Ibn Hajar, *Lisān al-Mīzān*, Mu‘assasah al-I‘lāmī Li al-Matbū’ah, Beirut 1971, iii, hlm. 386. *Al-Hallāj* bermaksud pekerjaan memisahkan kapas dari bijinya. Lihat *Mu‘jam al-Asāsī*, hlm. 343.

<sup>31</sup> Hakim, *Syarḥ al-‘Uyūn*, hlm. 367.

<sup>32</sup> Ibn ‘Abbād, *Rasā’il*, Maktabah al-Nahdah, Baghdad, 1965, hlm. 34.

Namun demikian adalah tidak dinafikan bahawa selepas bertemu dengan Sāhib b. ‘Abbad dan bertugas sebagai *Qadi al-Qudat*, kehidupan ‘Abd al-Jabbār menjadi lebih baik. Ini kerana jawatan yang disandangnya itu menawarkan pendapatan yang lumayan. Al-Qalqasyandi mencatatkan bahawa gaji seorang *Qādi al-Qudāt* ialah sebanyak seratus *dinar* sebulan tidak termasuk beberapa kemudahan yang lain.<sup>33</sup> Jumlah tersebut merupakan satu nilai yang besar bagi seorang yang tidak suka kepada pembaziran dan lebih cenderung kepada kesederhanaan dan kezuhudan seperti ‘Abd al-Jabbār.

Keunggulan peribadi dan ketegasan ‘Abd al-Jabbār dalam mempertahankan konsep keadilan telah membuatkan para pembesar kerajaan Bani Buwayh amat mengagumi dan menghormati beliau. Ḥākim meriwayatkan, pada suatu hari Sāhib b. ‘Abbad telah kembali ke Rayy selepas lawatan beliau ke Hamadhan. Orang ramai berpusu-pusu untuk menyambut beliau melainkan ‘Abd al-Jabbār. Pada masa tersebut ‘Abd al-Jabbār berkata, “Aku ingin sekali menghulurkan khidmat namun ilmu menghalangku daripada berbuat demikian.” Walau bagaimanapun ‘Abd al-Jabbār merupakan seorang yang *tawadū’* dan lemah lembut apabila bersama sahabat dan murid-murid beliau.<sup>34</sup>

### Kematian

Setelah menghabiskan sebahagian besar waktunya dalam memperjuangkan dunia intelektualnya, ‘Abd al-Jabbār akhirnya menghembuskan nafasnya yang terakhir di bumi Rayy, dan disemadikan berdekatan tapak kediaman beliau di sana.<sup>35</sup>

Berhubung tarikh kematian beliau, para pengkaji secara amnya tidak sepakat dalam memberikan penjelasan-penjelasan yang tepat mengenainya. Ibn al-Athīr umpamanya menyatakan, ‘Abd al-Jabbār meninggal dunia pada tahun 414H semasa berumur lebih dari sembilan puluh tahun.<sup>36</sup>

Sementara itu sebahagian besar ahli sejarah seperti al-Subkī,<sup>37</sup> al-Dhahabī,<sup>38</sup> al-Dawūdī<sup>39</sup> dan Ibn al-‘Imād<sup>40</sup> menyatakan tahun kematian ‘Abd al-Jabbār ialah 415H,

<sup>33</sup> Al-Qalqasyandi, *Ṣubḥ al-Asyā’*, Matba’ah al-Āmiriyah, al-Qahirah, 1311H/1913M, iii, hlm. 212.

<sup>34</sup> Ḥākim, *Syarḥ al-Uyūn*, hlm. 367.

<sup>35</sup> Al-Dawūdī, *Tabaqāt*, i, hlm. 256; al-Subkī, *ibid.*, v, hlm. 443.

<sup>36</sup> Ibn al-Athīr, *al-Kāmil*, ix, hlm. 334.

<sup>37</sup> Al-Subkī, *Tabaqāt*, hlm. 443.

<sup>38</sup> Al-Dhahabī, *Siyār I'lām al-Nubalā’*, xvii, hlm. 244.

<sup>39</sup> Al-Dawūdī, *ibid.*, hlm. 256.

<sup>40</sup> Ibn al-‘Imād, *Syadharāt*, hlm. 203.

iaitu pada bulan *Dhu al-Qa'idah*.

Manakala al-Rafī'i pula berpendapat, 'Abd al-Jabbār meninggal dunia pada bulan *Jumadi al-Awwal* tahun yang sama.<sup>41</sup>

Demi mengelakkan kekeliruan dalam menentukan tarikh kematian 'Abd al-Jabbār, Hākim al-Jusyāmī<sup>42</sup> dan Ibn al-Murtadā menyatakan tarikh tersebut ialah di antara tahun 415 dan 416H.<sup>43</sup>

Sementara itu Anawati dan Peter telah mengemukakan ketiga-tiga tahun tersebut 414, 415 dan 416H sebagai tarikh kematian 'Abd al-Jabbār, demi mengelakkan kesilapan semasa menentukan tarikh sebenar peristiwa tersebut.<sup>44</sup>

Walau bagaimanapun hasil penelitian yang dijalankan, dapatlah disimpulkan bahawa tarikh kematian 'Abd al-Jabbār yang lebih hampir dan bersesuaian dengan fakta sejarah ialah pada tahun 415H ataupun pada bulan *Dhu al-Qa'idah* tahun 415H.

## SUASANA POLITIK PADA ZAMAN KEHIDUPAN

'Abd al-Jabbār hidup dalam era kedua zaman pemerintahan kerajaan 'Abbasiyyah. Pada zaman ini percaturan politik dan perebutan kuasa begitu hebat terjadi di kalangan para pemimpin dan pembesar yang memerintah wilayah Islam. Di antara kerajaan Islam yang terdapat pada waktu itu ialah kerajaan Bani Umayyah di Andalus (Sepanyol) yang dipimpin oleh 'Abd al-Rahmān al-Nāṣir, kerajaan 'Amman dan Bahrayn yang dikuasai golongan al-Qarāmitah, kerajaan Fatimiyyah di Mesir yang diperintah oleh Anujur b. Muhammad al-Ikhsyid dan kerajaan 'Abbasiyyah yang berpusat di Baghdad serta beberapa kerajaan kecil yang lain.<sup>45</sup>

Kerajaan 'Abbasiyyah dalam era tersebut telah berpecah kepada beberapa kerajaan kecil yang diperintah secara berasingan. Pusat pemerintahan kerajaan 'Abbasiyyah di Baghdad pada zaman tersebut telah dikuasai oleh pengaruh Turki. Jawatan *Amīr al-'Umarā'* telah diperkenalkan bagi mengambil alih tumpuk kekuasaan daripada tangan khalifah. Khalifah al-Mustakfi yang memerintah pada waktu itu ibarat

<sup>41</sup> Al-Rafī'i, *Akhbār Qazwīn*, iii, hlm. 125.

<sup>42</sup> Hākim, *Syarḥ al-Uyūn*, hlm. 366.

<sup>43</sup> Ibn al-Murtadā, *al-Munyah*, *Tahqīq 'Isām al-Dīn Muhammād 'Alī, Dār al-Ma'rifa al-Jāmi'iyyah*, Iskandariyyah 1985, hlm. 95.

<sup>44</sup> Anawati, "‘Abd al-Jabbār" dalam *Encyclopedia of Religions*, i, hlm. 3; Peter, *ibid.*, hlm. 10.

<sup>45</sup> Ibn al-Athīr, *al-Kāmil*, viii, hlm. 391; Muhammad al-Khudrī, *Tārīkh al-Umam*, i, hlm. 371.

boneka kerana tidak mempunyai sebarang kuasa melainkan di dalam beberapa upacara keagamaan.<sup>46</sup>

Disebabkan sikap orang-orang Turki yang melampau dan zalim, al-Mustakfi telah meminta bantuan daripada keluarga Buwayh yang berasal dari wilayah Daylam bagi menghapuskan pengaruh Turki daripada istana khalifah.<sup>47</sup> Ibn al-Athir (m.630H) mencatatkan peristiwa tersebut berlaku pada tahun 334H.<sup>48</sup>

Permintaan al-Mustakfi itu telah disambut baik oleh keluarga Buwayh. Pada tanggal 11 Jumadi al-Awwal tahun 334H Ahmad b. Buwayh bersama angkatan tenteranya telah tiba di kota Baghdad. Beliau berjaya menguasai kota tersebut tanpa berlakunya pertumpahan darah. Perkara ini disebabkan penduduk Baghdad menganggap Ahmad b. Buwayh sebagai penyelamat mereka daripada kezaliman orang-orang Turki. Justeru, beliau telah berjaya mengusir pengaruh Turki dari Baghdad dan mengambil alih tumpuk pemerintahan dari mereka.<sup>49</sup>

Ahmad b. Buwayh kemudiannya menggunakan gelaran *Mu’iz al-Dawlah*. Beliau juga menghapuskan gelaran *Amīr al-Umāra* yang diperkenalkan oleh orang-orang Turki dan menggantikannya dengan *Syahan Syah*<sup>50</sup> atau *Malik al-Mulūk*. Bermula dari tarikh tersebut, kerajaan ‘Abbasiyyah telah dikuasai oleh keluarga Buwayh.

Monopoli Bani Buwayh semakin terserlah apabila *Mu’iz al-Dawlah* Ahmad b. Buwayh telah memecat al-Mustakfi dari jawatan khalifah dan menggantikannya dengan anak saudara beliau al-Muti’ (m. 363H).<sup>51</sup>

Ibn al-Athir dalam hal ini memberitahu, penguasaan Bani Buwayh pada zaman tersebut meliputi sebahagian besar wilayah Islam. ‘Ali b. Buwayh yang menggunakan gelaran *‘Imād al-Dawlah* menguasai wilayah Faris. Hasan b. Buwayh pula memerintah

<sup>46</sup> Fārūq ‘Umar, *al-Khilāfah al-‘Abbasiyyah*, cet. II, Maktabah al-Muthannā, Baghdad 1977. hlm. 229; Cyrill Glasse, *The Concise Encyclopaedia of Islam*, Cet. I, Stacey International, London 1989, i, hlm. 12.

<sup>47</sup> Abū al-Fidā’, *Tārīkh*, ii, hlm. 103.

<sup>48</sup> Ibn al-Athir, *al-Kāmil*, hlm. 449.

<sup>49</sup> Ibn Kathīr, *al-Bidāyah Wa al-Nihāyah*, Matba’ah al-Sā’ādah, al-Qahirah 1932, xi, hlm. 212.

<sup>50</sup> *Syahan Syah* adalah satu perkataan Parsi yang bermakna Raja segala raja, digunakan sebagai gelaran untuk pemerintah tertinggi negara. Lihat umpamanya al-Qalqasyandi, *Subḥ al-Aṣyā*, vi, hlm. 16.

<sup>51</sup> Ibn Khaldūn, *Tārīkh*, Maktabah Dār al-Madrasah, Beirut 1956-1961, iii, hlm. 420; Ibn Kathīr, *al-Bidāyah Wa al-Nihāyah*, hlm. 212.

wilayah Jabal dan Rayy dengan menggunakan gelaran *Rukn al-Dawlah*, manakala Baghdad pula dikuasai oleh *Mu'iz al-Dawlah* Ahmad b. Buwayh. Ketiga-tiga nama dan gelaran mereka dicetak di atas matawang resmi negara yang digunakan pada waktu itu.<sup>52</sup>

Pergolakan politik yang melanda umat Islam pada zaman tersebut sememangnya memberi kesan yang besar terhadap keadaan ekonomi dan sara hidup mereka. Sikap para pemerintah yang lebih mementingkan kedudukan dan kepentingan sendiri telah menyebabkan rakyat jelata menjadi mangsa kemiskinan dan kebuluran.<sup>53</sup>

Al-Suyūtī (m.911H) mencatatkan bahawa keadaan ekonomi umat Islam di zaman pemerintahan al-Mutī' amat buruk. Menggambarkan keadaan ini beliau menyatakan: "Kadar kemiskinan yang teruk melanda Baghdad sehingga menyebabkan penduduknya terpaksa memakan bangkai dan bahan buangan, mayat-mayat yang mati kebuluran dibiarkan bergelimpangan di jalan raya dan dimakan oleh anjing-anjing liar. Keadaan demikian juga turut melanda beberapa wilayah yang lain seperti Rayy dan Hamadhan."<sup>54</sup>

Keadaan di Rayy menjadi bertambah buruk apabila para pemerintah Bani Buwayh menjalankan aktiviti merampas harta para pembesar mereka, seperti dilakukan oleh *Fakhr al-Dawlah* terhadap perdana menterinya sendiri iaitu Sāhib b. 'Abbād.<sup>55</sup> 'Abd al-Jabbār yang juga berkhidmat dengan kerajaan Bani Buwayh turut menerima nasib yang sama apabila harta beliau dirampas oleh *Fakhr al-Dawlah*. Tradisi ini seterusnya diperaktikkan oleh para pembesar kerajaan yang lain terhadap orang bawahan dan rakyat jelata.<sup>56</sup>

Penderitaan umat Islam semakin parah apabila perlakunya perpecahan dalam mazhab akidah dan fiqh. Khalifah 'Abbasiyyah bermazhab Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah, manakala Bani Buwayh berfahaman Syi'ah Zaidiyyah, sedangkan rakyat jelata pula berpecah antara pengikut Mu'tazilah, Ahl al-Hadith, Asyā'irah dan Maturidiyyah. Percanggahan ini telah menyebabkan berlakunya pertelingkahan yang menumpahkan darah dan mengorbankan banyak nyawa. Perbalahan ini turut menular di kalangan pengikut mazhab fiqh seperti Syāfi'iyyah, Ḥanābilah dan Hanafiyyah.<sup>57</sup>

<sup>52</sup> Ibn al-Athīr, *al-Kāmil*, vii, hlm. 450.

<sup>53</sup> Fāruq 'Umar, *al-Khilāfah al-'Abbāsiyyah*, hlm. 233.

<sup>54</sup> Al-Suyūtī, *Tārīkh al-Khulafā'*, hlm. 348.

<sup>55</sup> Ibn Khaldūn, *Tārīkh*, iii, hlm. 421.

<sup>56</sup> Ibn Hajar, *Lisān al-Miṣān*, iii, hlm. 387; Ibn al-Athīr, *al-Kāmil*, ix, hlm. 111.

<sup>57</sup> Ahmad Mukhtār, *Fī Tārīkh al-'Abbāsī Wa al-Fātimī*, hlm. 164.

### *Al-Qādī ‘Abd al-Jabbār: Suatu Biografi*

Namun demikian segala pergolakan ini tidak menghalang berlakunya satu perkembangan intelektual yang pesat pada zaman tersebut. Hakikat ini terbukti melalui kemunculan beberapa tokoh intelektual dan pemikir Islam yang unggul dalam sejarah perkembangan dunia intelektual. Antara tokoh-tokoh tersebut ialah Abū Nasr al-Fārābī (m. 339H) yang digelar sebagai “*al-Mu‘allim al-Thānī*” dan Syaikh *al-Ra’is* Ibn Sīnā (m. 428H) dua tokoh terkenal dalam bidang falsafah.<sup>58</sup>

Demikian juga dalam bidang ‘ilm al-Kalam seperti Abū Ishāq al-Isfaraynī, Syaikh Mufid dan al-Qādī ‘Abd al-Jabbār sendiri.<sup>59</sup> Perkembangan intelektual di zaman tersebut juga meliputi beberapa bidang ilmu yang lain seperti fiqh, Usul al-Fiqh, astronomi dan perubatan. Kurun ke-4H diiktiraf ramai sarjana sebagai zaman kegemilangan bagi dunia keintelektualan dan pemikiran Islam.<sup>60</sup>

Kegemilangan perkembangan akademik pada zaman tersebut pada dasarnya disebabkan beberapa faktor utama, antaranya aktiviti terjemahan bahan-bahan ilmiah daripada bahasa Greek ke bahasa Arab oleh sekumpulan ilmuan yang diketuai oleh ‘Ishāq b. Hunayn. Demikian juga sikap keterbukaan para pemerintah terhadap unsur-unsur pemikiran yang berbeza-beza, disertai pula persaingan mereka bagi mendapatkan pengaruh dan kekuasaan bagi mengekalkan pemerintahan mereka.<sup>61</sup>

## PENDIDIKAN DAN KEILMUAN

‘Abd al-Jabbār adalah seorang yang amat menitikberatkan berkenaan ilmu pengetahuan. Kecenderungan ini telah mendorong beliau untuk melakukan penelitian yang mendalam terhadap setiap ilmu yang dipelajarinya.

Di peringkat awal pendidikannya, ‘Abd al-Jabbār mempelajari ilmu hadith dan fiqh al-Syafi‘i. Ketekunan dan kesabarannya telah membolehkan beliau menguasai pelajarannya dengan cepat dan mendalam. Berkenaan perkara akidah pula, beliau pada peringkat tersebut merupakan salah seorang pengikut mazhab ‘Asyā‘irah.<sup>62</sup>

<sup>58</sup> Ibn Kathīr, *al-Bidāyah*, xi, hlm. 224.

<sup>59</sup> Al-Suyūdī, *Tārīkh al-Khulafā’*, hlm. 416.

<sup>60</sup> Ahmad Mukhtār, *Tārīkh al-‘Abbāsī*, hlm. 172; Macdonald, *Muslim Theology*, hlm. 135.

<sup>61</sup> Al-Tha‘labī, *Yatīmiyyah al-Dahr*, iii, hlm. 193.

<sup>62</sup> Ibn al-Murtadā, *al-Munyah*, hlm. 93. Bandingkan al-Badawī, *Madhāhib al-Islamiyyin*, hlm. 381.

Selepas itu ‘Abd al-Jabbār melanjutkan pelajarannya ke Basrah, yang terkenal sebagai pusat kajian ‘ilm al-Kalam pada zaman tersebut. Golongan Mu’tazilah yang mengutamakan metod rasionalisme merupakan antara pihak yang paling berpengaruh di institusi tersebut. Semasa berada di sana ‘Abd al-Jabbār belajar dengan Abū Ishaq b. Iyāsy murid kepada tokoh Mu’tazilah terkenal Abū Hāsyim al-Jubbā’ī. ‘Abd al-Jabbār akhirnya menganuti fahaman Mu’tazilah dan menjadi pendokong utama fahaman tersebut.<sup>63</sup> Namun demikian di dalam perkara *furū’iyyah* beliau tetap berpegang dengan mazhab al-Syafi’i.<sup>64</sup>

Kemudiannya ‘Abd al-Jabbār mendalami permasalahan ‘ilm al-Kalam di Baghdad. Di sana beliau berkesempatan menuntut ilmu daripada ulama’ terkenal Abu ‘Abd Allāh Husayn al-Baṣrī, Syaikh Mu’tazilah di Baghdad.<sup>65</sup> Hasil ketekunan beliau serta bimbingan gurunya Husayn al-Baṣrī, ‘Abd al-Jabbār akhirnya berjaya menguasai setiap permasalahan ‘ilm al-Kalam yang menjadi polemik pada zaman tersebut. Oleh yang demikian beliau telah diiktiraf sebagai *Imam* golongan Mu’tazilah di zaman tersebut.<sup>66</sup>

Tokoh-tokoh akademik secara amnya bersepakat mengenai kemampuan ‘Abd al-Jabbār dalam menguasai pelbagai bidang keilmuan yang terdapat di zamannya. Ḥākim al-Jusyāmī (m.494H) umpamanya menyatakan: “Kehebatan ‘Abd al-Jabbār sukar digambarkan dengan kata-kata, pencapaian beliau dalam bidang akademik tidak dapat ditandingi oleh sesiapa pun sarjana Mu’tazilah selepasnya.”<sup>67</sup>

Al-Zarkasyī (m.745H) pula menyatakan, ‘Abd al-Jabbār merupakan ulama’ terunggul dalam bidang *Usūl al-Fiqh* selepas al-Syafi’i (m.204H).<sup>68</sup> Manakala Ibn al-Murtadā menyebut bahawa ketokohan ‘Abd al-Jabbār dalam bidang ‘ilm al-Kalam sukar ditandingi oleh sesiapa pun.<sup>69</sup>

<sup>63</sup> Ḥākim, *Syarḥ al-Uyūn*, hlm. 366; Ibn al-Murtadā, *al-Munyah*, hlm. 94.

<sup>64</sup> Al-Yāfi’ī, *Mir’at al-Jinān*, Cet. II, Mu’assasah al-Ι’lāmī Li al-Matbū‘ah Beirut, 1970, iii, hlm. 29; al-Subkī, *Tabaqāt*, v, hlm. 443; Ibn Ḥajr, *ibid.*, hlm. 385.

<sup>65</sup> Ḥākim, *Syarḥ al-Uyūn*, op.cit; Peter, *God’s Created Speech: A Study in speculative theology of the Mu’tazili Qādī l-qudat Abūl-Hassan*, E.J. Brill, Leiden 1976, hlm. 9.

<sup>66</sup> Kāhhālah, *Mujam al-Mu’allafīn*, v, hlm. 78; al-Dāwūdī, *Tabaqāt*, i, hlm. 256; al-Suyūtī, *Tārīkh al-Khulafā’*.

<sup>67</sup> Ḥākim, *Syarḥ al-Uyūn*, hlm. 367.

<sup>68</sup> Al-Zarkasyī, *al-Bahr al-Muhiṭ*, i, hlm. 6.

<sup>69</sup> Ibn al-Murtadā, *al-Munyah*, hlm. 95.

Kepakaran intelektual ‘Abd al-Jabbār dalam pelbagai bidang keilmuan begitu terserlah melalui hasil-hasil karya beliau yang bernilai dan diterima umum sebagai rujukan utama dalam bidang pengajian Islam.<sup>70</sup> Karya beliau *al-Mughnī fī ’Abwāb al-Tawḥid Wa al-’Adl* umpamanya merupakan ensiklopedia ‘ilm al-Kalam terbesar yang pernah dihasilkan.

Menurut Ibn Khaldūn kitāb *al-’Umd* hasil karya ‘Abd al-Jabbār merupakan salah satu daripada empat karya terbaik dalam bidang *Uṣūl al-Fiqh* dan perundangan Islam.<sup>71</sup> Dalam usaha mempertahankan kesucian agama Islam dan kehormatan Nabinya daripada kritikan musuh-musuh Islam ‘Abd al-Jabbār telah menghasilkan satu karya yang bermutu dan mengandungi hujah-hujah yang konkrit bertajuk “*Tathbīt Dalā’il al-Nubuwah*.” Kenyataan ini turut dicatat oleh Ibn Ḥajar<sup>72</sup> dan al-Dhahabī di dalam karya masing-masing.<sup>73</sup>

Berdasarkan keterangan-keterangan yang dikemukakan, dapatlah disimpulkan bahawa ‘Abd al-Jabbār merupakan seorang pemikir yang mempunyai kemampuan intelektual yang tinggi dan sukar ditandingi. Pengakuan-pengakuan tersebut meletakkan personaliti ‘Abd al-Jabbār sebagai seorang pemikir Islam yang unggul, berfikiran luas dan berpengaruh.

Hakikat ini turut diakui oleh sarjana-sarjana Barat yang mengkaji pemikiran ‘Abd al-Jabbār seperti Anawati,<sup>74</sup> Peter<sup>75</sup> dan Stern<sup>76</sup> yang mencatatkaninya di dalam karya masing-masing.

## Guru-guru

‘Abd al-Jabbār memulakan pendidikannya di daerah kelahiran beliau Asadabadi. Seterusnya beliau mengembara ke beberapa buah bandar lain bagi mempelajari ilmu pengetahuan dengan beberapa ulama’ yang mempunyai latar belakang pendidikan yang berbeza-beza.<sup>77</sup> Kesempatan ini sememangnya membuka peluang kepada ‘Abd

<sup>70</sup> Al-Suyūtī, *Tabaqāt*, hlm. 60; al-Dhahabī, *Siyār I’lām al-Nubalā’*, xvii, hlm. 244.

<sup>71</sup> Ibn Khaldūn, *Muqaddimah*, ii, hlm. 113.

<sup>72</sup> Ibn Ḥajar, *Lisān al-Mīzān*, iii, hlm. 386.

<sup>73</sup> Al-Dhahabī, *Siyār I’lām al-Nubalā’*, xvii, hlm. 244.

<sup>74</sup> Anawati, “‘Abd al-Jabbār” dalam *Encyclopaedia of Religions*, i, hlm. 4.

<sup>75</sup> Peter, *God’s Created Speech*, hlm. 7.

<sup>76</sup> Stern, “‘Abd al-Djabbar” dlm. *Encyclopaedia of Islam*, hlm. 59.

<sup>77</sup> Al-Ziriklī, *ibid.*, iv, hlm. 47; al-Subki, *Tabaqāt*, v, hlm. 443; Anawati, “‘Abd al-Jabbār” dalam *Encyclopedia of Religions*, i, hlm. 3.

al-Jabbār mempelajari dan mengkaji pelbagai bidang ilmu pengetahuan yang terdapat di zaman tersebut.<sup>78</sup>

Ibn al-Murtadā dalam hal ini menyatakan, ulama' yang paling banyak mempengaruhi pemikiran dan akidah 'Abd al-Jabbār ialah Abū 'Abd Allāh Husayn al-Basrī (m.367H).<sup>79</sup> Beliau yang terkenal dengan kezuhudannya merupakan murid kepada Abū Hasyim al-Jubbā'i.<sup>80</sup> Seterusnya ulama' yang berperanan terhadap perubahan persepsi 'Abd al-Jabbār mengenai '*Ilm al-Kalam* ialah Abū Ishāq b. 'Iyāsy al-Basrī.<sup>81</sup>

Dalam beberapa bidang keilmuan yang lain seperti sastera dan tatabahasa Arab 'Abd al-Jabbār belajar daripada Abū al-Hassan 'Ali b. Ibrāhīm b. Salmah al-Qattān (m.345H). Dalam mempelajari '*ilm hadith* dan *rijal* 'Abd al-Jabbār berguru dengan 'Abd al-Rahmān b. Ḥamdan al-Jallāb (m.346H) dan 'Abd Allāh b. Ja'far b. Faris (m.346H) seperti yang dicatatkan oleh al-Suyūtī<sup>82</sup> dan al-Subkī.<sup>83</sup>

'Abd al-Jabbār mempelajari fiqh al-Syafi'i dan Usul al-Fiqh daripada beberapa orang ulama' antaranya al-Qāsim b. Abū Sālih al-Hamadhānī, Muhammad b. Ahmad b. 'Amr al-Zi'bāqī al-Basrī dan Muhammad b. 'Abd Allāh b. Akhi al-Sāwi.<sup>84</sup>

### Murid-murid

Kemasyhuran 'Abd al-Jabbār dalam dunia intelektual telah tersebar luas ke seluruh pelusuk wilayah Islam pada zamannya. Ekoran dari itu beliau telah didatangi oleh ramai sarjana dan ilmuan daripada berbagai tempat dan kawasan untuk menimba ilmu pengetahuan. Hakikat ini diakui para pengkaji sejarah seperti al-Subkī, Ibn al-Athir, Ibn al-'Imād dan al-Suyūtī.<sup>85</sup>

<sup>78</sup> Al-Sam'ānī, *al-Anṣāb*, v, hlm. 32.

<sup>79</sup> Ibn al-Murtadā, *al-Munyah*, hlm. 87.

<sup>80</sup> Anawati, *ER*, i, hlm. 4; al-Suyūtī, *Tabaqāt*, hlm. 60; Ḥākim, *op. cit.*, hlm. 367.

<sup>81</sup> 'Abd al-Jabbār, *Fadl al-I'tizal wa Tabaqāt al-Mu'tazilah, Tahqīq Fu'ad Sayyid*, Dār al-Tūnisiyyah Li al-Nasyr, Tūnis, 1393H/ 1974M, hlm. 325.

<sup>82</sup> Al-Suyūtī, *Tabaqāt*, hlm. 61.

<sup>83</sup> Al-Subkī, *Tabaqāt*, v, hlm. 443.

<sup>84</sup> Al-Khatīb, *Tārīkh al-Baghdād*, ii, hlm. 113.

<sup>85</sup> Al-Subkī, *Tabaqāt*, v, hlm. 443; Ibn al-Athir, *ibid.*, ix, hlm. 334; Ibn al-'Imād, *op. cit.*; al-Suyūtī, *Tabaqāt*, hlm. 61.

### *Al-Qādi ‘Abd al-Jabbār: Suatu Biografi*

Ibn al-Murtadā telah meletakkan sebahagian besar daripada murid-murid ‘Abd al-Jabbār pada *tabaqāt* yang ke dua belas di dalam susunan *tabaqat al-Mu’tazilah*.<sup>86</sup>

Berikut ini disenaraikan beberapa orang murid ‘Abd al-Jabbār yang termasyhur, antaranya ialah:

- \* Abu Rasyid Sa‘id b. Muhammad al-Nisaburi (m.445H)<sup>87</sup>
- \* Abu al-Husayn Muhammad b. ‘Ali al-Basri (m.436H).<sup>88</sup>
- \* Syarif al-Murtaḍā Abū al-Qāsim ‘Ali b. Husayn al-Musawī (m.436H).<sup>89</sup>
- \* Abu Yūsuf ‘Abd al-Salam b. Muhammad al-Qazwini (m.488H).<sup>90</sup>
- \* Abu Muhammad al-Hassan b. Ahmad b. Mutawayh (m.468H).<sup>91</sup>

## SUMBANGAN DAN HASIL KARYA

Kepintaran dan ketekunan ‘Abd al-Jabbār sewaktu menuntut ilmu daripada guru-gurunya telah membolehkan beliau memahami dan menguasai segala ilmu yang dipelajarinya dengan baik. Lantaran itu beliau berjaya menghasilkan begitu banyak karya yang baik dan bermutu tinggi.

Ahli-ahli sejarah secara umumnya bersepakat menyatakan ‘Abd al-Jabbār merupakan seorang yang gigih dan sangat prolifik dalam menghasilkan karya-karya ilmiahnya.<sup>92</sup> Menurut Ibn Khaldūn, hasil karya ‘Abd al-Jabbār bukan hanya sekadar menjadi panduan bagi pengikut Mu’tazilah tetapi juga turut menjadi sumber rujukan sarjana dan intelektual Islam secara keseluruhannya. Hakikat ini juga diakui oleh al-Zarkasyi.<sup>93</sup>

Minat beliau yang mendalam dalam bidang akademik telah mendorong ‘Abd al-Jabbār untuk menghasilkan tulisan-tulisan ilmiah yang bermutu dalam pelbagai bidang

<sup>86</sup> Ibn al-Murtadā, *al-Murayah*, hlm. 97-100.

<sup>87</sup> Brockelman, *Geschichte der Arabischen Litteratur*, E.J. Brill, Leiden, 1943, hlm. 344.

<sup>88</sup> Ibn al-Murtadā, *ibid.*

<sup>89</sup> Hākim, *Syarh al-‘Uyūn*, hlm. 385.

<sup>90</sup> Al-Subki, *Tabaqāt*, iii, hlm. 230; al-Dhahabi, *Siyār I'lām al-Nubalā*, xvii, hlm. 244.

<sup>91</sup> Hākim, *Syarh al-‘Uyūn*, hlm. 389; Peter, *op.cit.*, hlm. 24.

<sup>92</sup> Ibn al-Athīr, *al-Kāmil*, hlm. 334; al-Dhahabi, *Mīzān al-I'tidal*, ii, hlm. 533; Ibn Hajar, *Lisān al-Mīzān*, iii, hlm. 386

<sup>93</sup> Ibn Khaldūn, *Muqaddimah*, ii, hlm. 138; al-Zarkasyi, *Bahr al-Muhit*, i, hlm. 9.

pengetahuan, termasuklah dalam ‘ilm al-Kalam, tafsir, ḥadīth, fiqh, usūl al-fiqh, komentar terhadap golongan penentang, epistemologi dan kimia.

Hākim al-Jusyāmī menganggarkan keseluruhan hasil karya ‘Abd al-Jabbār berjumlah 400 ribu helaian merangkumi pelbagai bidang ilmu pengetahuan. Beliau seterusnya menyatakan untuk mengumpul kesemua tajuk karya-karya tersebut adalah terlalu sukar, walaupun demikian beliau sempat mencatatkan sebanyak 49 tajuk hasil karya ‘Abd al-Jabbār.<sup>94</sup> Ibn al-Murtadā pula, hanya menyebut 27 tajuk daripada hasil penulisan ‘Abd al-Jabbār.<sup>95</sup>

Walau bagaimanapun ‘Abd al-Karīm yang turut meneliti mengenai karya-karya ‘Abd al-Jabbār telah berjaya mengumpulkan 70 tajuk hasil penulisan ‘Abd al-Jabbār yang dikesan di dalam pelbagai tempat dan bahan rujukan. Dari 70 tajuk yang berjaya dikesan, 45 daripadanya membincangkan tentang ‘ilm al-Kalam dan prinsip-prinsip agama, 5 berkaitan dengan al-Qur’ān dan penafsirannya, 7 tentang fiqh dan usūl al-fiqh, 2 dalam bidang ḥadīth, dua tajuk tentang pengajaran agama, 2 berkenaan komentar terhadap pendapat golongan penentang, 1 tentang biografi, satu mengenai ilmu kimia dan 5 tajuk dalam pelbagai bidang ilmu pengetahuan yang lain.<sup>96</sup>

Kebanyakan karya ‘Abd al-Jabbār telah hilang atau musnah, sehingga kini hanya 14 tulisan ditemui dalam bentuk manuskrip, dan 8 daripadanya telah pun disunting dan diterbitkan. Kitab-kitab tersebut ialah:

1. *Mutasyābih al-Qur’ān*.<sup>97</sup>

Karya ini telah diedit oleh ‘Adnān Zarzūr dan diterbitkan di Qahirah pada tahun 1969M. Di dalam karyanya ini ‘Abd al-Jabbār telah mengemukakan hujah-hujah bagi menolak pendapat golongan Mujbirah yang memahami ayat-ayat al-Qur’ān secara literal.<sup>98</sup>

2. *Syarḥ al-Usūl al-Khamsah*.<sup>99</sup>

Sebuah karya yang menghuraikan prinsip-prinsip akidah Mu’tazilah secara umum. Di dalamnya ‘Abd al-Jabbār telah mengulas lima asas akidah Mu’tazilah (*Usūl al-Khamsah*) iaitu *al-Tawhīd*, *al-‘Adl*, *al-Wa’d Wa al-Wa’id*, *al-Manzilah bayn al-Manzilatayn* dan *al-‘Amr Bi al-Ma’ rūf Wa al-Nahy ‘An*

<sup>94</sup> Hākim, *Syarḥ al-‘Uyūn*, hlm. 389.

<sup>95</sup> Ibn al-Murtadā, *al-Munyah*, hlm. 97.

<sup>96</sup> ‘Abd al-Karīm, *Qādī al-Quḍāt*, hlm. 58-72.

<sup>97</sup> Hākim, *Syarḥ al-‘Uyūn*, hlm. 390; Ibn al-Murtadā *al-Munyah*, hlm. 95.

<sup>98</sup> Peter, *God’s Created Speech*, hlm. 11. Bandingkan ‘Abd al-Karīm, *Qādī al-Quḍāt*, hlm. 60.

<sup>99</sup> Brockelman, *GAL*, s I, hlm. 344; Ibn al-Murtadā, *al-Munyah*, hlm. 97.

*Al-Qādī ‘Abd al-Jabbār: Suatu Biografi*

*al-Munkar*. Karya ini telah disunting oleh ‘Abd al-Karīm ‘Uthmān dan diterbitkan pada tahun 1965M (1384H) di Qahirah.<sup>100</sup>

3. *Tanzīh al-Qur’ān ‘An al-Matā’in*.<sup>101</sup>

Kitab ini telah diterbitkan di Qahirah pada tahun 1911M (1329H) dan dicetak untuk kali kedua di Beirut. Karya ini memuatkan komentar ‘Abd al-Jabbār terhadap golongan yang meragui kesahihan al-Qur’ān al-Karīm. Walau bagaimanapun beliau menjelaskan tujuan penulisan buku tersebut adalah bagi menjelaskan maksud-maksud al-Qur’ān yang sukar difahami.<sup>102</sup>

4. *Tathbīt Dalā’il al-Nubuwah*.<sup>103</sup>

‘Abd al-Jabbār menulis karyanya ini pada tahun 385H. Beliau telah mengemukakan hujah-hujah yang konkret bagi menolak dakwaan golongan al-Barāhimah yang meragui kerasulan Nabi Muḥammad s.a.w. Karya ini telah diedit oleh ‘Abd al-Karīm ‘Uthmān, dan diterbitkan di Beirut pada tahun 1966M.<sup>104</sup>

5. *Al-Muhiṭ Bi al-Taklīf*.<sup>105</sup>

Penulisan ‘Abd al-Jabbār ini telah dikumpulkan oleh muridnya iaitu Ḥassan b. Muḥammad b. Mutawayh. Ia telah diterbitkan pada tahun 1965M di Qahirah, setelah diedit oleh ‘Umar al-Sayyid ‘Azmi. Dalam tahun yang sama juga karya ini telah disunting oleh J.J.Houben dan diterbitkan di Beirut.<sup>106</sup>

6. *Fadl al-I’tizāl Wa Tabaqāt al-Mu’tazilah*.<sup>107</sup>

Ianya merupakan salah satu karya ‘Abd al-Jabbār yang terakhir. Beliau menyiapkan karyanya ini di antara tahun 388H hingga tahun 407H. Karya ini telah diterbitkan di Tunis pada tahun 1974M selepas diedit oleh Fu’ad Sayyid.

7. *Al-Mukhtasar Fi Usūl al-Dīn*.

Kitab ini mengandungi penjelasan ringkas berkenaan akidah Mu’tazilah. Ianya

<sup>100</sup> Anawati, ““*Abd al-Jabbār*” dlm. *Encyclopedia of Religions*, i, hlm. 4.

<sup>101</sup> Kahhalah, *Mu’jam al-Mu’allaqāt*, v, hlm. 78; Brockelman, *GAL*, s I, hlm. 344.

<sup>102</sup> ‘Abd al-Karīm, *Qādī al-Quḍāt*, hlm. 60.

<sup>103</sup> Brockelman, *ibid*; Ibn Hajar, *Lisān al-Mīzān*, iii, hlm. 386; Ḥakim, *Syarh al-‘Uyūn*, hlm. 389.

<sup>104</sup> Anawati, *ibid*, hlm. 4; Peter, *God’s Created Speech*, hlm. 10.

<sup>105</sup> Ibn al-Murtadā, *al-Munyah*, hlm. 96; Brockelman, *GAL*, s I, hlm. 345.

<sup>106</sup> Peter, *God’s Created Speech*, hlm. 13.

<sup>107</sup> Ibn al-Athīr, *al-Kāmil*, ix, hlm. 334; Brockelman, *GAL*, s I, hlm. 344.

telah diedit oleh Muhammad ‘Imārah dan diterbitkan untuk cetakan kedua pada tahun 1988.<sup>108</sup>

8. *Al-Mughnī Fi Abwab al-Tawhīd Wa al-‘Adl.*<sup>109</sup>

Karya ini merupakan ensiklopedia ‘ilm al-kalam terbesar yang pernah dihasilkan oleh intelektual Islam dalam bidang tersebut. ‘Abd al-Jabbār mula menulis karyanya ini pada tahun 360H semasa berada di Ramhurmuz, dan selesai pada tahun 380H sewaktu bertugas sebagai *Qādi al-Qudāt* di Rayy. Di dalamnya ‘Abd al-Jabbār telah menghuraikan secara terperinci mengenai akidah dan prinsip-prinsip utama golongan Mu’tazilah serta mengemukakan bukti-bukti bagi menolak pendapat golongan penentang beliau. Ensiklopedia ini pada asalnya terdiri daripada dua puluh jilid namun sehingga kini hanya empat belas jilid sahaja yang telah diterbitkan, dengan jilid yang pertama telah diterbitkan pada tahun 1960M di Qahirah. Ianya telah diedit oleh sekumpulan pemikir Mesir yang diketuai oleh Tāhā Husayn.<sup>110</sup>

Berikut ialah karya-karya ‘Abd al-Jabbar yang telah ditemui di beberapa perpustakaan di seluruh dunia dalam bentuk manuskrip, namun masih belum diterbitkan :

1. *Nuzum al-Fawā’id Wa Taqrib al-Murād Li al-Rā’id.*<sup>111</sup>

Karya ini terdapat di perpustakaan Vatikan, Rom manuskrip bernombor 1177, dan di Muzium British manuskrip no. 577 (I). Ia merupakan karya dalam bidang hadith.<sup>112</sup>

2. *Al-Ikhtilaf Fi Usūl al-Fiqh.*<sup>113</sup>

Sebuah karya dalam bidang *Usūl al-Fiqh* dan perundangan Islam. Ianya terdapat di perpustakaan Vatikan, manuskrip bernombor 1100.<sup>114</sup>

3. *Al-Ikhtilaf Bayna al-Syaikhayn.*<sup>115</sup>

Karya ini menjelaskan perselisihan pendapat antara Abū Hāsyim dan Abū

<sup>108</sup> ‘Abd al-Jabbār, *al-Mukhtaṣar*, hlm. 191.

<sup>109</sup> Ḥākim, *Syarḥ al-Uyūn*, hlm. 369; Ibn al-Murtadā, *ibid.*

<sup>110</sup> Peter, *God’s Created Speech*, hlm. 16.

<sup>111</sup> Brockelman, *GAL*, s I, hlm. 343.

<sup>112</sup> ‘Abd al-Karīm, *Qādi al-Qudāt*, hlm. 62.

<sup>113</sup> Brockelman, *ibid.* Bandingkan al-Badawī, *Madhāhib al-Islamiyyīn*, hlm. 387.

<sup>114</sup> ‘Abd al-Karīm, *Qādi al-Qudāt*, hlm. 61.

<sup>115</sup> Ibn al-Murtadā, *ibid.*; Ḥākim, *op. cit.*, hlm. 368.

*Al-Qādi ‘Abd al-Jabbar: Suatu Biografi*

‘Alī al-Jubbā’ī. Terdapat di perpustakaan Vatikan manuskrip bernombor 1100.<sup>116</sup>

4. *Kitāb Fi al-Qadā’ Wa al-Qadar*.<sup>117</sup>

Karya yang membincangkan ‘ilm al-Kalam ini terdapat di perpustakaan Najaf di Iraq.

5. *Mas’alah Fi al-Ghaibah*.<sup>118</sup>

Ia merupakan satu komentar terhadap pandangan golongan Syi‘ah Imāmiyah mengenai konsep *al-Imāmah*. Karya ini terdapat di perpustakaan Vatikan manuskrip no. 1028.

6. *Risālah Fi ‘Ilm al-Kimiyyā*.<sup>119</sup>

Sebuah karya dalam bidang ilmu kimia. Ia terdapat di dalam perpustakaan al-Khazanah di Rampur manuskrip bernombor 12 dan 28.

Berikut ialah senarai karya ‘Abd al-Jabbār yang masih belum ditemui sehingga kini mengikut perkara:

\* Mengenai al-Qur'an dan Tafsir.

*Al-'Adillah Fi 'Ulūm al-Qur'ān*,<sup>120</sup> *Al-Tafsīr al-Kabīr*<sup>121</sup> dan *Al-Tafsīr al-Muhibī*.<sup>122</sup>

\* Mengenai Fiqh dan *Uṣūl al-Fiqh*.

*Al-Ikhtiyārāt*,<sup>123</sup> *Majmū‘ al-'Ahd*,<sup>124</sup> *Al-Nihāyah*,<sup>125</sup> *Syarḥ al-'Umd*,<sup>126</sup> *Al-'Umd*,<sup>127</sup> dan *Uṣūl al-Fiqh*.<sup>128</sup>

---

<sup>116</sup> ‘Abd al-Karīm, *ibid.*, hlm. 62.

<sup>117</sup> *Ibid.*

<sup>118</sup> Brockelman, *GAL*, s I, hlm. 343.

<sup>119</sup> *Ibid.* Lihat juga ‘Abd al-Karīm, *op. cit.*

<sup>120</sup> Hākim, *ibid.*

<sup>121</sup> ‘Abd al-Karīm, *op. cit.*, hlm. 59.

<sup>122</sup> Hākim, *ibid.*, hlm. 369.

<sup>123</sup> *Ibid.*; Ibn al-Murtadā, *al-Munyah*, hlm. 95.

<sup>124</sup> ‘Abd al-Jabbār, *Uṣūl al-Khamsah*, hlm. 184.

<sup>125</sup> Hākim, *Syarḥ al-Uyūn*, hlm. 368.

<sup>126</sup> *Ibid.*; Ibn al-Murtadā, *op. cit.*

<sup>127</sup> ‘Abd al-Jabbār, *al-Mughnī*, xx, hlm. 254.

<sup>128</sup> *Ibid.*, xvii, hlm. 102.

\* Mengenai ‘ilm al-Kalam.

*Al-‘Askariyyāt*,<sup>129</sup> *Al-Dawā‘i Wa al-Sawārif*,<sup>130</sup> *Al-Fi‘l Wa al-Fā‘il*,<sup>131</sup> *Al-Hikmah wa al-Hākim*,<sup>132</sup> *Al-I‘timād, Jawābāt Masā‘il Abū Rasyīd*, *Al-Jumal*,<sup>133</sup> *Al-Khātir*,<sup>134</sup> *Al-Khwārizmīyyāt*,<sup>135</sup> *Al-Khilāf Wa al-Wifāq*,<sup>136</sup> *Al-Kūfiyyāt*,<sup>137</sup> *Al-Makkiyyāt*,<sup>138</sup> *Al-Man‘u Wa al-Tamānu‘*,<sup>139</sup> *Al-Masā‘il al-Wāridah ‘Alā Abī al-Husayn*,<sup>140</sup> *Al-Masā‘il al-Wāridah ‘Alā Abī al-Qāsim*,<sup>141</sup> *Mas’alah Fi al-Mūjibāt Wa al-Mu‘athirāt*,<sup>142</sup> *Al-Masriyyāt*,<sup>143</sup> *Mā Yajūz Fīhi al-Tazāyud Wa Mā La Yajūz*,<sup>144</sup> *Mukhtasar al-Husni*,<sup>145</sup> *Al-Muqaddimāt*,<sup>146</sup> *Naqd al-Badal*,<sup>147</sup> *Naqd al-Imāmah*<sup>148</sup> *Naqd al-Lumā‘*,<sup>149</sup> *Al-Nisābūriyyāt*,<sup>150</sup> *Al-Qasyāniyyāt*,<sup>151</sup> *Rad ‘Alā al-*

<sup>129</sup> Hākim, *ibid.*, hlm. 368; Ibn al-Murtadā, *al-Munyah*, hlm. 95.

<sup>130</sup> *Ibid.*; Hākim, *op.cit.*

<sup>131</sup> *Ibid.*; Ibn al-Murtadā, *op. cit.*

<sup>132</sup> Hākim, *Syarḥ al-Uyūn*, hlm. 368.

<sup>133</sup> *Ibid.*

<sup>134</sup> Ibn al-Murtadā, *al-Munyah*, hlm. 96.

<sup>135</sup> Hākim, *Syarḥ al-Uyūn*, hlm. 369.

<sup>136</sup> Ibn al-Murtadā, *op. cit.* hlm. 96.

<sup>137</sup> Hākim, *ibid.*

<sup>138</sup> *Ibid.*

<sup>139</sup> *Ibid.*; Ibn al-Murtadā, *ibid.*, hlm. 96.

<sup>140</sup> Hākim, *op. cit.*, hlm. 369. Bandingkan ‘Abd al-Karīm, *Qādī al-Quḍāt*, hlm. 67.

<sup>141</sup> Hākim, *ibid.*, hlm. 368.

<sup>142</sup> ‘Abd al-Karīm, *ibid.*, hlm. 69.

<sup>143</sup> Hākim, *Syarḥ al-Uyūn*, hlm. 368.

<sup>144</sup> Ibn al-Murtadā, *al-Munyah*, hlm. 96.

<sup>145</sup> ‘Abd al-Jabbār, *Usūl al-Khamsah*, hlm. 23.

<sup>146</sup> Hākim, *ibid.*

<sup>147</sup> ‘Abd al-Jabbār, *al-Muhibb*, hlm. 22.

<sup>148</sup> Ibn al-Murtadā, *op. cit.*, hlm. 95.

<sup>149</sup> ‘Abd al-Jabbār, *al-Mughnī*, vii, hlm. 48.

<sup>150</sup> Hākim, *ibid.*, hlm. 368; Ibn al-Murtadā, *op. cit.*

<sup>151</sup> Hākim, *Syarḥ al-Uyūn*, hlm. 369.

<sup>152</sup> ‘Abd al-Karīm, *ibid.*, hlm. 66.

*Nasārā*,<sup>152</sup> *Al-Rāziyyāt*,<sup>153</sup> *Syarḥ al-Jāmi‘ al-Saghir*,<sup>154</sup> *Syarḥ al-Jawāmi‘*,<sup>155</sup> *Syarḥ al-Jumal*,<sup>156</sup> *Syarḥ Kasyf al-Aghrād ‘An al-‘Arad*,<sup>157</sup> *Syarḥ al-Maqālāt*,<sup>158</sup> *Syarḥ al-Muhīt*,<sup>159</sup> *Tahdhīb al-Syarḥ*,<sup>160</sup> *Al-Tajrīd*,<sup>161</sup> *Takmīlah al-Jawāmi‘*,<sup>162</sup> *Takmīlah al-Syarḥ*,<sup>163</sup> *Taqrīb al-Usūl*,<sup>164</sup> *Al-Tarmīyyāt*<sup>165</sup> dan *Ziyādah al-Usūl*.<sup>166</sup>

\* Mengenai pengajaran agama (*al-Mawā’iz*).

*Adab al-Qur’ān*<sup>167</sup> dan *Nasiḥah al-Mutafaqqih*.<sup>168</sup>

\* Berkenaan dengan *Khilaf* dan percanggahan.

*Syarḥ Adab al-Jiddāl*.<sup>169</sup>

\* Berkaitan dengan beberapa bidang ilmu yang lain.

*Al-Hudūd*,<sup>170</sup> *Al-Mabsūt*,<sup>171</sup> *Al-Majdi*,<sup>172</sup> *Al-‘Uqūd*<sup>173</sup> dan *Syarḥ al-‘Uqud*.<sup>174</sup>

---

<sup>153</sup> Hākim, *op. cit.*; Ibn al-Murtadā, *ibid.*, hlm. 95.

<sup>154</sup> Hākim, *ibid.*, hlm. 368.

<sup>155</sup> ‘Abd al-Jabbar, *al-Mughnī*, xx, hlm. 254.

<sup>156</sup> ‘Abd al-Karīm, *Qādī al-Quḍāt*, hlm. 67.

<sup>157</sup> Hākim, *ibid.*; Ibn al-Murtadā, *ibid.*

<sup>158</sup> *Ibid.*, hlm. 95; Hākim, *op. cit.*, hlm. 368.

<sup>159</sup> ‘Abd al-Karīm, *Qādī al-Quḍāt*, hlm. 67.

<sup>160</sup> ‘Abd al-Jabbar, *al-Mughnī*, xx, hlm. 254.

<sup>161</sup> *Ibid.*; Hākim, *Syarḥ al-Uyūn*, hlm. 369.

<sup>162</sup> *Ibid.*

<sup>163</sup> *Ibid.*

<sup>164</sup> ‘Abd al-Jabbar, *ibid.*, hlm. 254.

<sup>165</sup> ‘Abd al-Karīm, *op. cit.*, hlm. 66.

<sup>166</sup> Hākim, *ibid.*, hlm. 369.

<sup>167</sup> *Ibid.*

<sup>168</sup> *Ibid.*; Ibn al-Murtadā, *al-Munyah*, hlm. 96.

<sup>169</sup> Hākim, *op. cit.*, hlm. 368.

<sup>170</sup> *Ibid.*

<sup>171</sup> *Ibid.*; Ibn al-Murtadā, *ibid.*, hlm. 95.

<sup>172</sup> ‘Abd al-Karīm, *op. cit.*, hlm. 71.

<sup>173</sup> *Ibid.*, hlm. 369.

<sup>174</sup> Hākim, *Syarḥ al-Uyūn*, hlm. 368.

## PENUTUP

Demikianlah suatu ulasan pengenalan tentang ‘Abd al-Jabbār yang merangkumi pelbagai sudut, bermula dari permulaan sejarah hidup beliau, ilmu pengetahuan, dunia akademik, hasil-hasil karya dan sumbangannya yang berharga di dalam tradisi intelektual Islam. Segala keterangan dan penjelasan yang diberikan membuktikan ‘Abd al-Jabbār adalah salah seorang tokoh pemikir Islam yang menguasai pelbagai bidang keilmuan pada abad keempat hijrah serta turut memberikan sumbangan yang besar terhadap dunia intelektual Islam.